

Medan Bahasa

Jangan Mendagangkan Bahasa Sendiri

(2)

Daripada pemandangan saya kebanyakan daripada penulis-penulis anggota baharu yang selalu menunjukkan tarian Qalamnya di dalam majalah-majalah bahasa dan sebagainya itu kurang pula pengetahuan agamanya. Setengahnya, saya tahu, sudah lulus pelajarannya di universiti dan sudah mendapat ijazah pula. Akan tetapi alangkah sedihnya : Kerananya mereka itu tiada berapa jauh juga bezanya dengan orang yang belum menjejakkan kakinya ke universiti. Bahkan karangan setengah-setengah orang yang tiada pernah seumur hidupnya pergi ke universiti itu terlebih pula elok susun dan lenggang bahasanya” kata penulis makalah antara lain. Di bawah ini ialah bahagian yang kedua.

(Oleh: Nukman Alimin)

(8) Bahasa Melayu susah?

Bila orang Melayu membaca contoh karangan (yang telah tersiar dalam bahagian yang pertama) itu dengan sekali baca tentulah susah ia hendak memahamkan tujuan pengarang itu. Harus dikatanya bahawa bahasa Melayu itu rupa-rupanya sangat susah, sebab dirinya membaca karangan itu seolah-olah membaca batu bersurat pula! Susah itu memang susah. Tetapi susah karangan yang di atas itu sebab tiada memakai gaya bahasa Melayu. Ada pun bahasa Melayu memang susah. Orang yang bodoh mengatakan dia senang : Umpama melihat alur sungai yang jernih dari atas. Kita Nampak tohor sahaja.

airnya, tetapi sebenarnya dalam.

(9) Sikap penulis-penulis angkatan baharu

Pernahkah tuan berfikir mengapa karangan penulis-penulis angkatan baharu tu kebanyakannya tiada mahu memelihara kesucian bahasanya? Boleh jadi :

(a) Sebab ia tahu bahawa sememangnya pada masa

dahulu bahasa Melayu terlalu sangat dipengaruhi

oleh bahasa Sanskrit. Dan lagi dalam bahasa

Melayu banyak terkandung perkataan-perkataan dagang, atau

(b) Sebab ia bergopoh-gapah hendak mengiyakan

bahasa, atau

(t) Sebab ia hendak menyenangkan bahasa Melayu

kepada bangsa-bangsa asing, istimewa pula yang tahu bertutur dengan bahasa Inggeris. Dengan jalan ini, pada pikirannya, dapatlah dipikat hati orang-orang yang bukan Melayu itu dan bahasa Melayu pun dapat dijadikan bahasa kebangsaan di negeri ini dengan cepatnya, atau (th) Sebab ia hendak mengembari bahasa Indonesia, yakni dipakai di Indonesia.

Jika ia berfikir seperti (a) dan (b) itu maka tiadalah jauh bezanya dengan seorang yang banyak dosanya. kemudian fikirnya di dalam hati, "Pala-pala aku sudah berdosa, biarlah aku membunuh orang, berjudi dan membuat maksiat sebab kalau aku bertaubat pun masakan diterima tuhan taubatku ini." Tetapi apatah gunanya menambahkan lagi dosanya?

Cerita ini mengandungi kias dan ibarat, iaitu bagi sesiapa yang mahu berfikir. Jikalau ia berfikir seperti (t) itu maka betullah ia menyenangkan bahasa Melayu kepada orang-orang asing. Tetapi sebaliknya menyusahkan bahasa itu kepada anak-anak Melayu sendiri.

Sekiranya ia berniat seperti (th) itu maka sebaik-baiknya dia jangan menjadi pak turut. Seperti kata Tuan Musyfaq, "Mengapa kita membuat atau menggantung baju menurut bentuk badan kita sendiri masing-masing? ialah supaya sesuai pada badan kita, iaitu supaya jangan tersempit atau longgar atau tersingkat atau terpanjang yang tidak sepadan dengan tubuh kita. Maka begitu jugalah bahasa-bahasa asing yang tertentu menurut aturan nahu dan saraf masing-masing tertentu artinya yang berlain-lain menurut susunan atau ikatan perbahasannya yang tertentu jugalah, dan tiada boleh kita Melayu menyalahkan

sesuatunya itu."

Yang sebaik-baiknya biarlah bahasa itu berkembang dengan beransur-ansur. Hubaya-hubaya tiada guna kita bergopoh gapah. perubahan pun begitu juga, tiada boleh dengan semena-mena. sedangkan di dalam bahasa Inggeris ada peribahasa yang berbunyi: "Bandar Rom tidak dibina dalam sehari." demikian pula kita hendak membentuk tabiat manusia mengikut kehendak hati kita, tiada boleh dengan tiba-tiba. bahkan dengan sedikit-sedikit, dengan tiada disedarinya, dia menurut seperti kehendak atau cita-cita kita itu. Begitulah juga tipu daya penjajah dahulu.

(10) Bahasa Indonesia

Menurut seorang sarjana bahasa bahawa sebab pun Bahasa Indonesia itu meminjam perkataan-perkataan daripada bahasa Belanda, Inggeris, Latin dan sebagainya itu kerana negerinya banyak mempunyai bahasa-bahasa daerah. Oleh sebab hendak menyenangkan penduduk-penduduk, tiap-tiap daerah itu mengerti

Sudah Terbit!

Pengajian

Kesah Pelayaran Abdullah Mushi

Di susun semula oleh:

Edrus

Harga \$2.50 senaskahah

Tambah belanja pos (register) 40 sen

Dicetak dan diterbitkan oleh:

Qalam

356/358, Geylang Road,

Singapore 14.

Bahasa Indonesia am, maka dipinjam perkataan-perkataan asing itu. Maka apalah sebabnya kita orang Semenanjung ini hendak menurut-nurut pula?

(11) Kurang pengetahuan agama

Pada pemandangan saya kebanyakan daripada penulis-penulis angkatan baharu yang selalu menunjukkan tarikan qalamnya di dalam majalah bahasa dan sebagainya itu kurang pula pengetahuan agamanya. Setengahnya, saya tahu, sudah lulus pelajarannya di universiti dan sudah mendapat ijazah pula. Akan tetapi alangkah sedihnya: Karangan mereka itu tiada berapa jauh juga bezanya dengan orang yang belum menjejakkan kakinya ke universiti. Bahkan karangan setengah-setengah orang yang tiada pernah seumur hidupnya pergi ke universiti itu terlebih pula elok susunan dan lenggang bahasanya.

Adapun sebabnya saya berkata mereka itu kurang pengetahuan agama yakni agama Islam yang maha suci, sebab saya sudah terjumpa beberapa buah karangan yang bersalahan dengan ajaran agama Islam di dalam akhbar-akhbar dan majalah-majalah. Di bawah ini ialah dua daripadanya yang telah saya petik:

(a) "Tuhan!

Inilah keimanan anakmu

Tiga belas abad beragama

Aku tidak ingin berdosa....."

(Sajak gubahan Kasim Ahmad, dalam Utusan Zaman 23 Oktober 1960).

(b) Semangat *CONSERVATIVE* yang mendapat pupukan agama ini membekukan pikiran masyarakat Melayu dan kecerdasan otaknya kepada pikiran yang

TRADITIONAL sahaja.

(Omar Muhammad Hasyim, dalam majalah Dewan Bahasa bulan Ogos 1961)

Mudah-mudahan Tuhan beri petunjuk kepada orang-orang yang seperti mereka. Sebab hal yang demikian ini tiada lain melainkan lantaran mereka itu menerima asuhan adab dan pengajaran Barat.

(12) Pengaruh Barat

Berapa banyak orang yang sedar dirinya dipengaruhi oleh pengajaran dan kebudayaan barat, berapa banyak orang yang sedar bahawa cara ia berfikir bukan lagi dengan cara yang asli, tetapi cara barat, berapa banyak orang yang berjaya menghambat penjajah sedangkan mereka tiada berkuasa membuang pengaruh pada dirinya, berapa banyak orang yang mengaku kebenaran hal ini dan tahu sekadar tahu sahaja, tetapi malangnya sedikit benar bilangan orang yang membuang pengaruh barat itu.

Biasanya orang-orang yang kuat pengaruh barat pada jiwanya itu lebih memberati hatinya pada menggunakan tulisan Rumi dan membanding-bandingkan bahasanya dengan bahasa barat. apalagi mereka itu cenderung meminjam perkataan Barat dengan leluasa, sebab dirasainya dirinya sehati dengan Barat.

(13) Sikap setengah-setengah Pengarang Lama

Setengah-setengah pengarang angkatan lama, ada yang tidak tetap pendiriannya. Hatinya bagai baling-baling. Perkataan atau pendapatnya kerap kali berlaga-laga. Sekali ia berpihak kepada orang yang mempertahankan kesucian bahasanya. Sekali ia menyokong angkatan baharu pula dan mencaci-caci angkatan lama serta pengikut-pengikutnya dengan mengatakan mereka itu " melampau" dan

sebagainya. Tetapi akhirnya gelaran “melampau” itu terbidas balik kepada dirinya sendiri. Begitu juga peri halnya menyuruh orang supaya jangan berulur tarik, beralah menang, dan jangan melembutkan gigi daripada lidah.

Sebabnya haruslah mereka itu tiada mahu dikata orang “sudah basi” atau “tak laku” mereka hanya mementingkan faedah diri sendiri.

(14) Berpandukan bahasa Melayu jati

Yang dimaksudkan dengan perkataan “berpandukan bahasa Melayu jati” itu bukanlah pula bermakna menauladani

karangan Melayu lama yang memberi jemu orang mendengar atau membacanya itu. Dan apalagi tiada pula dikehendaki memakai “syahdan” “maka” “kelakian” dan sebagainya itu. Melainkan ialah mengikut resam bahasanya, gaya Bahasa Melayunya dan cara-cara memakai perkataan Melayu dengan betul dan pada tempatnya.

Kita sendiri pandai berpekik-pekik mengatakan “bahasa jiwa bangsa”. Akan tetapi sekiranya bahasa sudah dikacuk, dicampur gaul hingga hilang ragi kemelayuannya, apalah hendak dimegah-megahkan? Kasihan jasad yang empunya jiwa semacam itu!

Shaykh Abdul Rahman Shibli Sarawak **Shaykh Haji di Makkah Al-Mukarramah**

(Telegram : Shibli Makkah)

(Peti surat nombor 188)

Sedia menyembah dan menjaga segala urusan saudara-saudara di Makkah, di Madinah, di Arafah dan di Mina dengan sepenuh-sepenuh puas hati. Timbang dan apa-apa perbelanjaan menurut apa yang ditetapkan oleh kerajaan Saudi Arabiyah, yang sentiasa memelihara keselamatan, kesihatan dan kesejahteraan sekalian saudara yang mengunjungi Tanah Suci, yang sedia teratur perhubungan secara modern dengan belanja yang murah.

BerShaykhlah dengan Shaykh Shibli yang berdekatan dengan Masjidil Haram.

Berhubunglah dengan wakil kita:

HAI AWAD BIN JA'AFAR
115-1 Minto Road,
Singapore, 7.

AHMAD MUSTAPHA AL-EDRUS
Jalan Haji Mataim,
Kuching, Sarawak

Atau kepada:

A.H EDRUS
356/8 Geylang Road,
Singapore, 14.

Yang akhir ini akan bersedia memberi dan petunjuk-petunjuk kepada orang-orang haji yang akan berShaykh dengan Shaykh Abdul Rahmann Shibli Sarawak.